



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**SEMPENA
HARI INTEGRITI & KECEMERLANGAN INDUSTRI
PEMBINAAN SARAWAK 2026 (IECONS)**

**KHAMIS, 6 OGOS 2026
PUSAT KONVENSYEN CIDB NEGERI SARAWAK**

**Salam Sejahtera,
Salam Malaysia MADANI,
Salam Sarawak Maju Makmur.**

[SALUTASI]

**Yang Amat Berhormat Premier Sarawak,
Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman
Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg**

**Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya,
YB Datuk Seri Dr. Haji Ahmad bin Haji Maslan**

**Ketua Eksekutif CIDB Malaysia,
Sr Ahmad Farrin Mokhtar**

Dif-dif kehormat,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada CIDB Malaysia dan Pejabat CIDB Negeri Sarawak atas penganjuran **Hari Integriti dan Kecemerlangan Industri Pembinaan Sarawak 2026 atau IECONS 2026**.
2. Saya turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Sarawak atas kerjasama erat yang terjalin bersama Kerajaan Persekutuan dalam usaha memperkukuh integriti, tadbir urus dan profesionalisme industri pembinaan.
3. Tema “**Memperkasa Integriti, Mentransformasi Industri Pembinaan**” amat bertepatan kerana integriti kini menjadi asas penting kepada penyampaian projek yang berkualiti, selamat dan mampan.
4. IECONS 2026 menghimpunkan wakil kerajaan, agensi penguat kuasa, badan kawal selia, pemain industri, badan profesional serta institusi pendidikan untuk berkongsi ilmu dan amalan terbaik.
5. Program ini merangkumi taklimat mengenai pembudayaan integriti, pencegahan rasuah, pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah atau ABMS, serta inisiatif integriti untuk kontraktor di Sarawak.

6. Sesi forum yang diadakan pula memberi tumpuan kepada tanggungjawab bersama dalam memperkukuh integriti serta usaha membina kepercayaan, meningkatkan kualiti dan akauntabiliti dalam industri pembinaan.

Hadirin sekalian,

7. Seminar ini dianjurkan kerana industri pembinaan melibatkan pelaburan yang besar, pelbagai pihak berkepentingan dan tanggungjawab yang besar dalam memastikan aspek keselamatan, kualiti dan kesejahteraan rakyat.

8. Kejayaan sesuatu projek tidak boleh diukur berdasarkan kepantasan pelaksanaannya semata-mata.

9. Projek yang berjaya perlu disiapkan mengikut jadual dan dalam lingkungan kos yang ditetapkan, memenuhi spesifikasi serta standard yang ditetapkan, serta memberikan nilai terbaik kepada rakyat.

10. Semua ini memerlukan tadbir urus yang baik, setiap keputusan dibuat secara telus, setiap sumber diurus secara bertanggungjawab dan setiap pihak melaksanakan amanah dengan penuh berakauntabiliti.

11. Dalam konteks agenda ***Environmental, Social and Governance*** atau **ESG**, tadbir urus merupakan asas yang menyokong usaha melindungi alam sekitar, menjaga kesejahteraan sosial dan memastikan pembangunan mampan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Kementerian Kerja Raya kekal komited memperkukuh budaya integriti selaras dengan **Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional** atau **NACS 2024–2028**.

13. Kementerian dan agensi di bawahnya turut memperkukuh pelaksanaan **ISO 37001 *Anti-Bribery Management System*** atau **ABMS**, kerjasama strategik dengan SPRM, pengukuhan Unit Integriti serta pelaksanaan ***No Gift Policy***.

14. Dalam industri pembinaan, CIDB memainkan peranan penting dalam memperluaskan kesedaran dan penerapan ABMS dalam kalangan kontraktor serta memperkukuh tadbir urus di seluruh rantai nilai industri.

15. Namun, integriti bukan tanggungjawab kontraktor semata-mata. Ia melibatkan pegawai perolehan, perunding, pembekal,

penyelia projek, agensi pelaksana, badan kawal selia dan pembuat keputusan.

16. Justeru, usaha mencegah rasuah perlu memberi tumpuan bukan sahaja kepada penguatkuasaan, tetapi juga kepada pengukuhan sistem yang mengurangkan ruang dan peluang berlakunya salah laku.

Hadirin yang dihormati,

17. Melalui IECONS 2026, kita berharap dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman pemain industri mengenai tanggungjawab mereka dalam mencegah rasuah, salah guna kuasa, tuntutan palsu dan amalan tidak beretika.

18. Kita juga mahu menggalakkan lebih banyak organisasi membina sistem tadbir urus yang kukuh, meningkatkan kawalan dalaman dan melaksanakan proses kerja yang lebih telus.

19. Pada masa yang sama, seminar ini diharap dapat memperkukuh kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Sarawak, CIDB, agensi penguat kuasa dan industri dalam membentuk ekosistem pembinaan yang lebih profesional, berkualiti dan dipercayai.

20. Marilah kita menjadikan integriti sebagai budaya kerja, tadbir urus sebagai kekuatan dan kerjasama sebagai pemacu kepada pembangunan industri pembinaan yang mampan serta memberikan manfaat terbaik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

#####